

19 FEB 2003

Arroyo-Mahathir/I

PERBINCANGAN ARROYO-MAHATHIR SEMPENA NAM

MANILA, 19 Feb (Bernama) - Presiden Gloria Arroyo akan mengadakan perbincangan dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada acara sampingan sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) di Kuala Lumpur mulai esok.

"Banyak perkembangan berlaku, jadi kami akan bertukar-tukar fikiran," katanya pada jamuan tengah hari mingguan dengan pemberita di Istana Malacanang.

Arroyo memuji Malaysia yang menurutnya "sentiasa membantu kita dalam proses keamanan" di Mindanao.

Beliau merujuk kepada perbincangan damai yang ditaja Malaysia sejak beberapa tahun lepas antara kerajaan Filipina dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) bagi menamatkan pertempuran berdarah puak pemisah di selatan.

Prospek bagi memulihkan perbincangan dan menandatangani perjanjian damai agak kabur selepas pertempuran tercetus minggu lepas antara tentera kerajaan dan MILF

Pertempuran itu yang menyebabkan berdozen tentera dan pemberontak mati dan beribu-ribu orang awam hilang di bahagian tengah Mindanao, tercetus apabila pasukan tentera menuduh MILF memanjakan pengganas.

MILF menafikan tuduhan itu dan berkata ia akan memulaukan rundingan di Malaysia kecuali tentera menarik keluar lebih 5,000 anggotanya yang ditugaskan menentang pasukan pemisah itu.

Arroyo memuji pihak tentera atas kejayaan menawan kem MILF, termasuk kediaman ketua puak pemisah, Hashim Selamat, dan menghalau keluar pemberontak dari kawasan awam.

Beliau berkata penasihat khas damainya, Norberto Gonzales, kini berada di Kuala Lumpur bagi memulakan rundingan "membabitkan proses damai" dengan panel damai MILF.

Arroyo yang akan diiringi Setiausaha Luar Blas Ople, berkata beliau akan menggesa kerjasama antarabangsa diperluaskan semasa berucap pada sidang kemuncak NAM.

Beliau merupakan pemimpin ke-11 yang berucap pada sesi pleno NAM dan perbahasan umum di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada Isnin apabila sidang kemuncak bermula.

Arroyo juga akan menyertai ketua kerajaan lain pada jamuan malam rasmi anjuran Malaysia di Palace of Golden Horses di Selangor, malam itu.

-- BERNAMA

ALJ AT LAT